

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

BZT 394/3 - Perlakuan Haiwan

Masa : [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Tuliskan nota pendek mengenai 2 tajuk dari yang berikut:

- (a) etogram
- (b) peneraan
- (c) tarian lebah madu

(20 markah)

2. Dengan bantuan gambarajah yang berlabel, huraikan model psiko-hidraulik Lorenz. Bincangkan kelemahan model ini dengan merujuk kepada eksperimen Janowitz dan Grossman.

(20 markah)

3. Keadaan fisiologi haiwan boleh mempengaruhi perlakuannya dan sebaliknya perlakuan boleh menyebabkan perubahan hormon. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan pernyataan tersebut.

(20 markah)

...2/-

[BZT 394]

4. Pelbagai perlakuan pembiakan yang dipamirkan oleh haiwan vertebrata adalah untuk menjaminkan kemandirian anaknya. Bincangkan.

(20 markah)

5. Organisasi sosial untuk sebilangan spesies haiwan amat teratur dan aman. Bincangkan kelebihan sistem sosial tersebut serta faktor-faktor yang harus dipenuhi untuk pembangunannya.

(20 markah)

- 6.* Sebagai seorang etologis, anda diminta menentukan hirarki dominan di sekumpulan monyet yang terdiri daripada 3 ekor jantan dan 2 ekor betina. Huraikan langkah-langkah yang akan diambil oleh anda dalam kajian ini di mana keadaannya akan ditetapkan oleh anda.

(20 markah)

-oooOOoo-